

Muhyiddin Terima Kunjungan Hormat Naib Presiden Universiti Pengajian Asing Beijing
Bername
August 13, 2014

PUTRAJAYA, 13 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pendidikan Tan Sri Muhyiddin Yassin menerima kunjungan hormat Naib Presiden Universiti Pengajian Asing Beijing (BFSU) Dr Yan Guohua di pejabatnya di sini hari ini.

Kunjungan hormat untuk membincangkan hubungan serta kerjasama Malaysia dan China dalam bidang pendidikan itu turut disertai Pengarah Institut Confucius BFSU Prof Zhang Xiaohui, Pengarah Bahagian Kerjasama dan Pertukaran Antarabangsa BFSU Prof Li Youwen, Pengarah Pusat Pengajian Melayu BFSU Prof Wu Zong Yu dan Timbalan Dekan Fakulti Pengajian Asia dan Afrika BFSU Yang Xiaojing.

Turut hadir Menteri Pendidikan II Datuk Seri Idris Jusoh, Ketua Setiausaha II Datuk Seri Dr Zaini Ujang, Ketua Pengarah Pelajaran Datuk Dr Khair Mohamad Yusof dan Ketua Pengarah Pengajian Tinggi Datuk Prof Dr Asma Ismail.

Kerjasama BFSU dengan dunia pengajian Melayu terjalin sejak 1961 dengan penubuhan Jabatan Pengajian Melayu di pusat pengajian itu, dan ia berkembang positif dan mendapat sokongan daripada Kedutaan Malaysia di Beijing pada tahun 1994 selain memeterai memorandum persefahaman dengan Dewan Bahasa dan Pustaka pada 1995.

Bermula dengan pengajian di peringkat program, ia diangkat menjadi Pusat Pengajian Bahasa Melayu pada 1996, dan dinaik taraf pada kepada Pusat Pengajian Melayu pada 2006 dengan skop yang lebih luas termasuklah bidang budaya dan sastera.

Kursi Pengajian Melayu Kerajaan Malaysia di BFSU ditubuhkan pada 2007 dengan penyandang pertamanya Prof Dr Awang Sariyan dari Universiti Malaya dan digantikan oleh Prof Dr Mohd Taib Dora dari Universiti Teknologi Melaka bermula April 2012.

Muhyiddin juga pernah mengadakan lawatan ke BFSU pada April 2011 semasa lawatan rasmi beliau ke China.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pula merasmikan Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu yang diadakan Mei lalu di BSFU sempena lawatan beliau ke China bagi sambutan ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik kedua-dua negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1060116>